

22 MAR 1998

DR MAHATHIR PULANG SELEPAS PERKENALKAN MSC DI JERMAN

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanahair hari ini selepas lawatan kerja tiga hari ke Jerman untuk memperkenalkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dr Mahathir yang diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dekat sini, pada 5.45 petang tadi.

Perdana Menteri mengetuai misi ke Hannover di Jerman untuk menarik pelaburan syarikat-syarikat multimedia dan teknologi maklumat negara itu di MSC.

Beliau menyampaikan ucapan dasar pada Persidangan Pelabur-pelabur MSC yang diadakan di Pameran Perdagangan CeBIT 98 di Hannover, yang dikatakan antara pameran terbesar dan terkini mengenai automasi pejabat, teknologi maklumat dan telekomunikasi.

MSC, yang dianggap tapak ujian komprehensif bagi membangunkan dan menguji teknologi baru multimedia, meliputi kawasan seluas 15 km kali 50km dengan infrastruktur fizikal dan maklumat bertaraf dunia.

Semasa berada di Jerman, Dr Mahathir menemui Cancellor Jerman Helmut Kohl dan berucap pada pertemuan dengan Majlis Perniagaan Malaysia-Jerman.

Sebelum ke Jerman, Perdana Menteri melawat Dubai untuk berceramah mengenai krisis kewangan dan ekonomi Asia Tenggara di Forum Antarabangsa Emiriyah. -- BERNAMA

ES PR NAK